

**Kegagalan Berkomunikasi Wujudkan Jurang Antara Barat Dan Dunia Islam, Titah Raja Nazrin Bernama 16 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Jurang yang wujud antara Barat dan Dunia Islam sebahagian besarnya berpunca daripada kegagalan kedua-dua pihak untuk berkomunikasi dan terlibat dengan dialog secara berkesan, titah Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah hari ini.

Baginda bertitah dialog yang melibatkan negara dan komuniti dari Barat dan dunia Islam amat berguna, terutama ketika wujudnya kejahilan, salah persepsi, prejudis dan gambaran salah yang begitu berleluasa antara kedua-dua pihak.

"Salah faham banyak berlaku dalam kedua-dua pihak dan ini sesuatu yang aneh kerana pada era Internet dan perhubungan yang canggih ini, terdapat begitu banyak khazanah ilmu. Asas persamaan dikesampingkan, tetapi tanggapan tentang wujudnya perbezaan serta kegagalan yang didakwa dilakukan pihak yang satu lagi pula, diperbesar-besarkan.

"Antara kepalsuan yang wujud di Barat ialah menyamakan Islam dan umat Islam dengan kacau-bilau dan keganasan, tanggapan bahawa Islam tidak sesuai dengan demokrasi dan kecelaruan antara pengaruh tradisi dan budaya dalam agama," titah baginda ketika melancarkan buku tulisan pengerusi Bank Muamalat Tan Sri Dr Munir Majid berjudul '9/11 and the attack on Muslims', di sini hari ini.

Raja Nazrin bertitah sebenarnya, kumpulan tertentu di dunia Islam turut bersalah dalam hal ini kerana membawa unsur Islam dalam gerakan militan mereka dan mengaitkan perjuangan mereka dengan agama, sambil melakukan tindakan ganas terhadap orang awam yang tidak bersenjata atas nama Islam dan selalunya dengan menjadikan umat Islam sendiri sebagai mangsa, dan semua ini memberi imej serta fahaman yang negatif terhadap Islam di Barat.

Raja Nazrin bertitah usaha untuk merapatkan jurang yang wujud antara Barat dan dunia Islam memerlukan langkah diambil untuk menangani faktor utama yang menjadi penyebab wujudnya jurang antara kedua-dua pihak itu.

"Pada asasnya, masalah ini bersifat politik, bukan agama atau budaya, walaupun semua ini membentuk masalah politik yang wujud sekarang," titah baginda.

Raja Nazrin memuji dasar yang diperkenalkan Presiden Barack Obama dalam hubungan Amerika dengan dunia Islam yang meneroka ruang pembabitan bersama dan kesanggupan untuk mencapai keamanan bersama, suatu dasar yang disambut baik oleh dunia Islam serta mendorong mereka untuk memberi tindak balas ke arah yang sama.

"Malangnya, presiden itu dikritik hebat kerana dasar itu di negaranya, serta mendapat penentangan dan halangan daripada Israel. Beliau dikritik, antara lain, kerana dianggap lemah dan mengalah.

"Hubungan antara Barat dan dunia Islam akan banyak bergantung pada sama ada dasar yang diperkenalkan Presiden Obama mampu mengatasi cabaran yang ada dan terus dilaksanakan, tidak kira siapa yang menang pada pilihan raya presiden akan datang.

"Adalah sesuatu yang amat merugikan bagi Barat dan dunia Islam sekiranya 'permulaan baru yang diperjuangkan dengan berani oleh Presiden Obama ini, menemui kegagalan," titah Raja Nazrin.

Mengenai buku yang mengandungi 73 artikel tulisan Munir, 64, dari 2001 hingga 2005 itu, Raja Nazrin bertitah "ia sebuah buku hebat yang memuatkan rentetan peristiwa yang berlaku dalam tempoh yang penuh dengan huru-hara dan malang ini."

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681036>